

Ambiga minta SPR adakan demonstrasi dakwat kekal sebelum PRK Kuala Besut
Malaysian Insider
July 9 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik

Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) mahu penjelasan lanjut berhubung dakwat kekal yang akan digunakan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Besut pada 24 Julai ini termasuk kandungan dakwat, keputusan ujian makmal, maklumat pengedar, kos keseluruhan dan lain-lain perkara.

"Jika semua tidak mahu didedahkan SPR, kami tidak akan mempercayai dakwat kekal ini. Kita sudah mengalami pengalaman perit semasa pilihan raya umum ke-13 (PRU13). Pasti kita tidak mahu ia berulang.

"SPR harus dedahkan komposisi bahan kimia dalam dakwat kekal dan adakan demonstrasi penggunaan dakwat kekal yang baru itu kepada orang ramai," kata Pengerusinya, Datuk Ambiga ketika dihubungi oleh The Malaysian Insider.

Dalam pada itu, Ambiga berkata Bersih akan terus mendesak kepimpinan SPR sedia ada supaya meletak jawatan dan tidak mengepal PRK Kuala Besut.

"Pendirian kami masih sama berhubung hal ini dan tidak pernah berubah.

"Jika kepimpinan SPR yang sama mengendalikan PRK kali ini, pastinya orang ramai bertambah hilang kepercayaan kepada SPR," katanya.

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli pula menyifatkan penipuan dakwat kekal dalam PRU13 tetap tidak dapat dimaafkan sekalipun SPR menggunakan dakwat kekal baru dalam PRK Kuala Besut.

"Menggunakan dakwat kekal yang baru tanpa berterus-terang dengan kegagalan dakwat kekal yang lepas, SPR cuba menyembunyikan kegagalannya.

"Jika SPR profesional untuk menjalankan PRK Kuala Besut, SPR harus selesaikan kemelut dakwat kekal pada PRU lalu," katanya kepada The Malaysian Insider sambil mengulangi desakan supaya SPR mendedahkan maklumat pembekal dakwat kekal pada PRU13.

"Begitu juga dalam PRK Kuala Besut. SPR harus telus memaklumkan pembekal, jemput orang ramai untuk uji dakwat kekal dan siar laporan kimia dakwat itu kepada umum," katanya.

Sementara itu, Fellow Kanan di Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS), Prof. Dr James Chin menganggap penggunaan dakwat kekal sebagai prosedur biasa semasa pilihan raya dan diamal semasa PRU13 lalu.

"Isu pembekal dakwat kekal baru hanyalah satu cara SPR bagi membersihkan nama kerana kita semua tahu prestasi SPR sangat buruk dalam mengendalikan PRU13," katanya.

Penganalisis politik dari Universiti Pengurusan Singapura, Prof Madya Dr. Bridget Welsh pula berkata, SPR harus memastikan daftar undi pada PRK kali ini benar-benar telus dan menjadikan kesilapan dalam PRU13 sebagai iktibar. 9 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ambiga-minta-spr-adakan-demonstrasi-dakwat-kekal-sebelum-prk-kuala-besut/>